Nespresso melancarkan kopi organik baharu untuk membantu memulihkan pertanian kopi yang lemah di Republik Demokratik Congo

Reviving Origins KAHAWA ya CONGO abadikan rasa manis buah pada kopi dari tepian gunung berapi Tasik Kivu

Kuala Lumpur, 14 Jun 2021 – Tidak lama lagi para penggemar kopi di Malaysia akan dapat menikmati kopi organik baharu, di samping membantu memulihara kawasan pertanian yang paling terjejas di dunia. Kopi Reviving Origins *KAHAWA ya CONGO* ("*Hope of Congo*; Harapan Congo") daripada **Nespresso** adalah campuran bermusim yang halus dengan rasa manis buah, ditanam menggunakan tanah gunung berapi yang menerima banyak hujan di Tasik Kivu di Republik Demokratik Congo (DRC), di mana komuniti penanam kopi yang dahulunya berkembang pesat telah musnah akibat ketidakstabilan politik dan ekonomi selama beberapa dekad yang lalu.

Kopi *KAHAWA ya CONGO* adalah campuran organik yang pertama dalam program Reviving Origins **Nespresso**, pendekatan jangka panjang jenama ini untuk memulihkan pengeluaran kopi di wilayah yang dilanda pelbagai masalah. Sejak pelancarannya pada 2019, program ini telah membolehkan sektor pengeluaran kopi terbaik dari kawasan yang terjejas di Zimbabwe, Uganda, Colombia dan kini, DRC, untuk dijadikan kopi bermusim buat penggemar kopi **Nespresso**.

Floriane Novello, Pegawai Eksekutif Perniagaan **Nespresso** Malaysia berkata: "Melalui program Reviving Origins ini, kami membantu para petani di Kivu untuk mengembalikan kegemilangan kopi Congo dan membina semula kehidupan mereka, di samping memberi sokongan sosial yang penting untuk meningkatkan kebajikan komuniti di sebalik kopi *KAHAWA ya Congo* kami. Dengan campuran ini, pengguna dapat menikmati pengalaman rasa unik yang sebenar, dan memainkan peranan penting dalam membangunkan semula industri kopi dan komuniti di DRC selepas berdekad-dekad mengalami konflik dan ketidakstabilan ekonomi."

Membangunkan semula industri kopi dan komuniti di Kivu

Tidak terhad kepada kopi sahaja, **Nespresso** dengan berganding bahu bersama badan tidak berkeuntungan sejagat TechnoServe, Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID) dan pedagang kopi Virunga Coffee/Olam International, kini bekerjasama dengan 2,500 orang petani di Kivu untuk meningkatkan kualiti dan hasil kopi, menyemai amalan pertanian lestari, serta meningkatkan pendapatan. **Nespresso** juga sedang dalam proses memperluaskan program ini ke seluruh Kivu untuk menjangkau lebih 8,000 orang petani menjelang 2026.

Salah seorang penanam kopi di Kivu, Turanyi Kabasura, berkata: "Saya melihat sisa-sisa hari saya telah bertambah baik berbanding masa lalu, kerana saya dapat bekerja, dan mula menampakkan hasil kerja saya serta bakal menerima bayaran tetap dan bonus setiap kali selepas penjualan kopi. Saya boleh menggunakan wang itu untuk mengembangkan strategi lain, seperti memelihara ternakan, atau membolehkan isteri saya boleh menjalankan perniagaan kecil-kecilan."

Di samping itu, dengan kerjasama Eastern Congo Inisiative (ECI), **Nespresso** juga melabur CHF 1 juta untuk menyokong pembinaan 23 pusat akses air di seluruh wilayah Kivu. Selain itu, pembinaan sebuah klinik kesihatan utama dan lima buah klinik bergerak turut akan ditaja, yang akan menyediakan 13,000 sesi konsultasi kesihatan setahun untuk masyarakat setempat, serta membantu melawan kolera, yang menjadi masalah kesihatan utama di negara itu.

Pengalaman rasa yang indah
Tanah gunung berapi yang subur dan kaya dengan sumber hujan di sepanjang tepian Tasik Kivu di Timur Congo amat sesuai untuk penanaman kopi Arabika. Kopi Organic *KAHAWA ya CONGO* dipanggang sisih, bermakna sebahagian kecil daripada biji-biji kopi ini dipanggang sehingga menjadi warna yang lebih gelap untuk mengeluarkan kepekatan tekstur dan kemewahan rasa kopi ini. Setelah dibancuh, kopi Arabika yang lembut dan seimbang ini menyerlahkan aroma manis bijirin dan kacang yang memikat, mencerminkan lokasi asalnya yang unggul. Apabila dinikmati bersama susu, aroma ini berubah menjadi ringan, manis dan berkrim yang dipenuhi nota rasa biskut, dengan sentuhan rasa walnut, dan tekstur selembut sutera.

Kopi Organik *KAHAWA ya CONGO* mempunyai kepekatan tahap 8 seperti Double Espesso dalam barisan Original, dan ia boleh didapati di butik-butik **Nespresso**, atau secara dalam talian melalui aplikasi mudah alih **Nespresso**, laman rasmi **Nespresso** (www.nespresso.com) serta Talian Khidmat **Pelanggan Nespresso** di 1800 80 7001 (bebas tol 24/7) bermula dari 7 Jun 2021.

Dari 7 hingga 20 Jun, **Nespresso** Malaysia akan memberikan satu set penyepit Asia Second Life kepada Ahli Kelab **Nespresso** apabila mereka membeli sebanyak 80 kapsul, termasuk mana-mana kopi dari barisan Reviving Origins. Selain itu, dengan tambahan 40 kapsul lagi, Ahli Kelab **Nespresso** akan menerima satu set pensil mekanikal Caran D'ache.

Kepelbagaian berkembang
Sejurus dengan pelancaran ini, **Nespresso** memperkenalkan tiga lagi kopi bermusim *Reviving Origins* bagi tahun 2021, yang membantu meningkatkan kestabilan ekonomi jangka panjang untuk petani tempatan, selain mempamerkan kemahiran mereka kepada dunia luar:

- *AMAHA awe UGANDA* – kopi asal tunggal dengan keasidan dan kepekatan tekstur sederhana, ditanam di Pergunungan Rwenzori di Uganda;
- *TAMUKA mu ZIMBABWE* – espresso dengan citarasa bungaan dari Lembah Honde yang terkenal di tanah tinggi Zimbabwe Timur; dan
- *ESPERANZA de COLOMBIA* – espresso Arabika yang mewah dan seimbang, dengan rasa buah dan keasidan yang lembut, dari wilayah El Rosario dan Caquetá, Colombia.

Untuk maklumat lanjut mengenai jenis-jenis kopi ini, tawaran terkini dan aktiviti **Nespresso** lain, sila kunjungi laman Instagram rasmi kami (@nespresso.my) atau laman Facebook (Nespresso.MY).

- TAMAT -

Mengenai program Reviving Origins
Nespresso pertama kali menemui potensi untuk mengembalikan semula kopi yang sudah hampir ditelan zaman ketika menjelajahi Selatan Sudan pada 2011. Edisi terhad *SULUJA ti SOUTH SUDAN* yang dilancarkan berikutan penjelajahan ini telah berjaya menjadi barangan eksport kedua terbesar negara Sudan selepas minyak pada 2015 dan 2016, dan telah membantu mempelbagaikan sumber ekonomi negara termuda di dunia tersebut. Pada 2016, **Nespresso** melancarkan edisi terhad *AURORA de la PAZ*, kopi pertamanya yang berasal dari wilayah bergolak Caquetá, Colombia, dan *CAFECITO de CUBA,* kopi Cuba pertama yang masuk ke Amerika Syarikat dalam tempoh lebih 50 tahun (eksklusif untuk Amerika Syarikat sahaja). Pada 2019, **Nespresso** secara rasminya melancarkan program Reviving Origins bersama kopi asal tunggal baharu dari Zimbabwe Timur – *TAMUKA mu ZIMBABWE* – dan Colombia – *ESPERANZA de COLOMBIA* – disusuli oleh Puerto Rico – *CAFECITO de PUERTO RICO*. Pada 2020, **Nespresso** memperkenalkan *AMAHA awe UGANDA* dari wilayah Pergunungan Rwenzori di Uganda, dan kini *KAHAWA ya CONGO* dari wilayah Kivu di Republik Demokratik Congo.

Mengenai Nestlé Nespresso SA
Nestlé Nespresso SA merupakan pelopor dan sumber rujukan untuk kopi kapsul yang paling berkualiti. Syarikat ini bekerjasama dengan lebih 110,000 orang petani dari 15 buah negara melalui program AAA Sustainable Quality™ yang menggalakkan amalan penanaman mampan di ladang pertanian serta kawasan lanskap di sekitarnya. Dilancarkan pada 2003 dengan kerjasama The Rainforest Alliance, program ini membantu meningkatkan jumlah hasil dan kualiti tanaman, memastikan bekalan kopi berkualiti tinggi yang mampan serta mempertingkatkan kehidupan para petani dan komuniti mereka.

Berpusat di Lausanne, Switzerland, Nespresso beroperasi di 82 buah negara dan mempunyai 13,900 orang perkeja. Ia juga mengoperasikan rantaian runcit sedunia dengan 816 buah butik pada 2020. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web korporat Nespresso: www.nestle-nespresso.com.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Thai Jia Vay
Brand Communications Specialist
Nespresso Malaysia
Alamat: Level 22, 1 Powerhouse, No. 1, Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +6017-200 3386
Emel: JiaVay.Thai@nespresso.com

Sherlyn Cheah / Douglas Tan / Brayden Beh / Jeremy Fong / Jacqueline Khoo
Burson Cohn & Wolfe
Tel: +6011-1122 6856 / +6016-375 3703 / +6018-777 5676 / +6012-639 1779 / +6016-453 8183
Emel: MYNespresso@bcw-global.com